

TARIKH: 8/8/23  
SURAT KHABAR: utusan Malaysia  
MUKA SURAT: 12

UM:DN 8-8-23 MS12

## Kenal pasti punca gaji graduan masih rendah

**PETALING JAYA:** Punca majikan tidak mahu menawarkan gaji lebih tinggi kepada pelajar lepasan ijazah perlu dikenal pasti supaya jalan penyelesaian dapat diambil secara lebih berfokus dan efektif.

Dilaporkan, masih ramai graduan terutamanya dalam sektor swasta ditawarkan gaji di bawah pasaran semasa iaitu menghampiri gaji minimum RM1,500.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pensyarah Kanan Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, sudah pasti terdapat sebab majikan tidak menawarkan gaji yang lebih tinggi kepada kumpulan itu dan ia perlu dirungkaikan.

"Majikan harus diwajibkan memaparkan gred gaji yang ditawarkan kepada pekerja lepasan ijazah supaya pemohon boleh membandingkan gaji permulaan dengan kadar pasaran.

"Apabila diwajibkan, semua pihak akan memamerkan gaji permulaan yang ditawarkan bagi memastikan tiada pihak yang mengambil kesempatan dengan menawarkan kadar gaji yang terlalu rendah," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga boleh meneruskan usaha menarik pelaburan langsung asing (FDI) yang menawarkan pekerjaan berkemahiran sederhana dan tinggi dan tidak lagi menumpukan kepada FDI yang mahu membuka kilang yang memerlukan pekerja berkemahiran rendah.

Sementara itu, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Effendy Abdul Ghani berkata, kesedaran amat penting dalam kalangan majikan supaya mereka bersikap adil dengan menawarkan gaji mengikut kelayakan pendidikan dan kemahiran.